

# Jabatan Bomba Dedah Formula Keselamatan Dan Integriti Kepada Bakal Jurutera Muda

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 13 Disember 2019 16:21 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 63

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**JUMAAT, 20 DISEMBER**  
– Seramai 58 pelajar tahun akhir program Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan (FKJ) Universiti Malaysia Sabah (UMS) diberi pendedahan berkenaan ‘Peranan Bomba di dalam Proses Kelulusan Pelan Pembangunan dan Bangunan serta Akta-Akta

Berkaitan’ dalam satu program yang berlangsung di bangunan FKJ, baru-baru ini.

Program tersebut melibatkan ceramah oleh dua pegawai dari Jabatan Bomba, iaitu Ketua Cawangan Perakuan Pembangunan dari Jabatan Bomba dan Keselamatan Lintas, Sabah, PgB Hussein Hj Abdul dan wakil Cawangan Perakuan Pembangunan, PKPgB Runzee Thani.

PgB Hussein dalam ceramahnya menjelaskan para pelajar sebaiknya didedahkan kepada asas-asas Bahagian Kebombaan dan kaitan bahagian tersebut dalam kejuruteraan awam dan perancangan pembangunan.

Kenyataan beliau disokong oleh PKPgB Runzee Thani yang menyatakan bahawa secara realiti, jurutera profesional masih melakukan kesilapan dalam pelan pembangunan.

“Ini membuktikan kepentingan program pendedahan sebegini dalam peringkat awal bagi menangani sebarang kesilapan dalam pelan pembangunan oleh jurutera muda khususnya pada masa akan datang,” katanya.

Dalam pada itu, pensyarah FKJ, Sr Asmawan Mohd. Sarman menjelaskan penganjuran program ini adalah penting untuk memberi gambaran awal kepada para bakal graduan kejuruteraan.

“Generasi jurutera muda ini perlu diberi pendedahan terhadap kepentingan dan peranan bomba dalam proses kelulusan bangunan, kerana pengetahuan sebegini amat penting terutama apabila melangkah ke dalam bidang ini kelak,” ujar beliau.

Pada program tersebut, para pelajar juga turut didedahkan tentang keselamatan bangunan dalam perspektif Jabatan Bomba dan Keselamatan, yang ternyata memberi input yang berguna kepada pelajar yang hadir.